

KPDNHEP Kelantan patahkan cubaan seludup barang kawalan lebih RM400,000

Tarikh kemaskini: 23/12/2019

KOTA BHARU, 23 Dis -- Minyak masak, tepung dan bahan api adalah antara barang kawalan yang dirampas daripada diseludup ke negara jiran termasuk ketika musim banjir, kata Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan Adnan Abd Rahman.

Beliau berkata pihaknya merekodkan 83 kes rampasan barang kawalan bernilai lebih RM400,000 dalam operasi bagi tempoh Januari tahun ini sehingga sekarang.

"Kebanyakan barangan itu dirampas hasil operasi KPDNHEP dengan pelbagai agensi penguat kuasa di sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan.

"Kita tidak menolak kemungkinan barangan kawalan ini mendapat permintaan tinggi di sana kerana dijual lebih murah di Malaysia selain keyakinan penduduk negara jiran terhadap status halal negara ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas (SHMMP) di sini, hari ini.

Adnan berkata KPDNHEP mewujudkan pelan kontingensi sebagai langkah menangani gangguan bekalan barangan kawalan terutama ketika banjir.

"Sebanyak 114 pemegang lesen borong barangan kawalan dilantik sebagai pemegang stok mini. Mereka diberikan kebenaran menyimpan stok barang kawalan melebihi 30 peratus daripada had kuantiti semasa yang dibenarkan dalam lesen sebagai stok penimbal," katanya.

Mengulas mengenai peniaga yang menaikkan harga ketika musim banjir baru-baru ini, Adnan berkata sehingga kini pihaknya masih belum menerima sebarang aduan.

Katanya orang ramai yang mendapati ada peniaga menaikkan harga sesuka hati boleh menghubungi KPDNHEP di talian 1800-886-800 atau Pusat Informasi dan Gerakan Strategik (PIGOS) di talian 03-88826088 atau emel: e-aduan@kpdnhep.gov.my atau hadir sendiri ke Pejabat Cawangan di Pasir Mas, Tanah Merah, Kuala Krai dan Gua Musang.

Di NEGERI SEMBILAN, KPDNHEP negeri merekodkan sebanyak 87 kes bagi tiga Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) yang telah dilaksanakan tahun ini, kata Ketua Pegawai Penguatkuasa negeri Johary Yacob.

Beliau berkata kesemua kes berkenaan membabitkan kegagalan mempamerkan tanda harga merah jambu dan daripada jumlah itu 70 kes dikesan pada musim perayaan Tahun Baharu Cina, 16 kes direkodkan bersempena Aidilfitri dan satu kes bersempena Deepavali.

"Kesemua kes yang direkodkan membabitkan nilai kompaun RM15,750 bagi musim Tahun Baharu Cina, Aidilfitri (RM1,900) dan Deepavali (RM300)," katanya kepada pemberita selepas melancarkan SKHMP Krismas 2019 peringkat negeri di Port Dickson hari ini.

Beliau berkata sejak 30 Jan sehingga 2 Nov lepas, sebanyak 5,381 premis telah diperiksa KPDNHEP bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan yang dikuatkuasakan.

- Di ALOR SETAR, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Masyarakat India, Perpaduan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Kedah R. Summugam berkata KPDNHEP Kedah menyasarkan sifar kompaun sepanjang pelaksanaan SHMMP Krismas 2019 seperti yang dicapai pada tahun lepas.

Sehubungan itu, beliau berkata pihaknya akan meningkatkan penguatkuasaan termasuk menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut di premis bagi memastikan tidak berlaku kenaikan harga melebihi harga kawalan.

"Sifar kompaun yang direkodkan tahun lalu menunjukkan peniaga dan peruncit mematuhi peraturan skim kawalan harga dan kita harap pencapaian ini dapat dikekalkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pelaksanaan SHMMP peringkat negeri di sini, hari ini.

Beliau berkata kerjasama orang ramai juga diperlukan bagi memastikan pelaksanaan SHMMP berjaya dan sebarang aduan boleh dibuat di portal e-aduan@kpdnhep.gov.my atau hubungi 1800886800 atau di pejabat KPDNHEP.

-- BERNAMA

